



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 12 OKTOBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKATLAPORAN
PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

12/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	PERJAWATAN LULUS, PANEL TRIBUNAL ANTIGANGGUAN SEKSUAL AKAN DILANTIK	
	https://www.malaysiakini.com/news/682346	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/628636/video/berita-semasa-video/jpa-meluluskan-penjawatan-bagi-penubuhan-tribunal-anti-gangguan-seksual	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jpa-luluskan-perjawatan-bagi-penubuhan-tribunal-anti-gangguan-seksual-nancy-441273	ASTROAWANI.COM
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/70872-penubuhan-tribunal-akta-antigangguan-seksual-disambut-baik-kpwkm	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://tvstv.my/2023/10/11/penubuhan-tribunal-antigangguan-seksual-di-setiap-negeri-diteliti-nancy/	TVSTV.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018758/perjawatan-tribunal-antigangguan-seksual-diluluskan	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=7stHW7_yKrQ	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/kerajaan-akan-lantik-ahli-panel-tribunal-antigangguan-seksual/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/965767/psd-approves-appointment-anti-sexual-harassment-tribunal-members-nancy	NST.COM.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/10/11/appointments-to-tribunal-for-anti-sexual-harassment-approved-by-psd	THESTAR.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/10/11/tribunal-anti-gangguan-seksual-ditubuh-secara-rasmi-bermula-selasa-nancy/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/11/dewan-rakyat-perjawatan-tribunal-anti-gangguan-seksual-dapat-kelulusan-jpa/	KOSMO.COM.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/tribunal-anti-gangguan-seksual-diluluskan-platform-hak-mangsa-tebus-rugi/	BULETINTV3.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=IN55TvkVwxo	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=m8AY_O2v7-w	YOUTUBE



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
2	EPOKU DITAMATKAN SELEPAS PENERIMA TIDAK LAGI BEKERJA - KPWKM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/628637/berita/nasional/epoku-ditamatkan-selepas-penerima-tidak-lagi-bekerja---kpwkm	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2233758	BERNAMA.COM
	https://harapandaily.com/ditamatkan-bantuan-epoku-kpwkm-tampil-jelas-isu-sebenar-libat-warga-emas/	HARAPANDAILY.COM
	https://www.getaran.my/artikel/semasa/52944/bantuan-epoku-ditamatkan-apabila-penerima-tidak-bekerja-menteri	GETARAN.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/oku-tular-elaun-ditamatkan-terima-pelbagai-jenis-bantuan-kerajaan/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/10/965842/ministry-epoku-incentive-terminated-after-recipient-found-no-longer	NST.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/70859-ditamatkan-bantuan-epoku-kpwkm-sahkan-warga-emas-oku-tidak-lagi-bekerja	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.sinardaily.my/article/210401/malaysia/nasional/epoku-incentive-terminated-after-recipient-found-no-longer-working-family-and-community-development-ministry-clarify	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	MENDEPANI NEGARA MENUA	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1018668/mendepani-negara-menua	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	KERAJAAN FOKUS PENDEDAHAN KURSUS BERTEKNOLOGI TINGGI MELALUI BIDANG TVET	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/10/kerajaan-fokus-pendedahan-kursus-berteknologi-tinggi-melalui-bidang-tvet/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	GAJI HABIS TOLAK HUTANG, GURU BUNTU SARA ANAK OKU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/11/gaji-habis-tolak-hutang-guru-buntu-sara-anak-oku/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	DISERANG SAKIT JANTUNG, YAKEB MAHU JUMPA ABANG AKHYAR RASHID, KOS PERUBATAN DITANGGUNG JDJ	
	https://suria.my/terkini/sukan/diserang-sakit-jantung-yakeb-mahu-jumpa-abang-akhyar-rashid-kos-perubatan-ditanggung-jdt/	SURIA.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MAYAT LELAKI BERPERWATAKAN WANITA DITEMUKAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/628716/berita/semasa/mayat-lelaki-berperwatakan-wanita-ditemukan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-lelaki-berperwatakan-wanita-ditemukan-di-terowong-laluan-pejalan-kaki-di-tampoi-441337	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
8	LELAKI BERGELAR DATUK DIDAKWA DI MAHKAMAH ATAS TUDUHAN MENIPU WANITA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018829/lelaki-bergelar-datuk-didakwa-di-mahkamah-atas-tuduhan-menipu-wanita	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/628668/berita/semasa/pengarah-syarikat-berpangkat-datuk-tipu-wanita-rm665000	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengarah-syarikat-berpangkat-datuk-tipu-wanita-rm665000-441305	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/10/datuk-didakwa-tipu-wanita-rm665000/	UTUSAN.COM.MY



UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

12/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	JURUAUDIT WANITA RUGI HAMPIR RM1.5J DITIPU SINDIKET PELABURAN TIDAK WUJUD	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/juruaudit-wanita-rugi-hampir-rm1-5j-ditipu-sindiket-pelaburan-tidak-wujud/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	LATIHAN EX-GANJAR: WANITA HAMIL ANTARA SEMBILAN TEBUSAN DISELAMATKAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/628723/edisi/selangor-kl/latihan-ex-ganjar-wanita-hamil-antara-sembilan-tebusan-diselamatkan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	PERDAYA 2 WANITA HINGGA LAKUKAN SEKS, GURU TAHFIZ DIDENDA RM12,000	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/10/10/perdaya-2-wanita-hingga-lakukan-seks-guru-tahfiz-didenda-rm12000/	FREEMALAYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
12	RISIKO WANITA BERUSIA	
	https://www.hmetro.com.my/WM/2023/10/1018647/risiko-wanita-berusia	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	WANITA BERUSIA MUDAH KENA KANSER PAYUDARA?	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018688/wanita-berusia-mudah-kena-kanser-payudara	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	SUAMI ISTERI DITAHAN CUBA DAPATKAN PASPORT UNTUK KANAK-KANAK WARGA ASING	
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/11/suami-isteri-ditahan-cuba-dapatkan-pasport-untuk-kanak-kanak-warga-asing/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/suami-isteri-cuba-dapatkan-pasport-untuk-kanak-kanak-warga-asing-ditahan/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	KANAK-KANAK JATUH SUNGAI DITEMUKAN LEMAS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/10/1018694/kanak-kanak-jatuh-sungai-ditemukan-lemas	HMETRO.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/11/kanak-kanak-jatuh-sungai-ditemukan-lemas	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	FADHLINA: KPM AKAN LANCAR PUSAT KANAK-KANAK TANPA KERAKYATAN DI SABAH	
	https://www.malaysiakini.com/news/682294	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=OT5ze0IFqKk	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
17	TANGGUH RUU GEG BERPOTENSI JUMLAH PEROKOK KANAK-KANAK MENINGKAT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/628674/berita/nasional/tangguh-ruu-geg-berpotensi-jumlah-perokok-kanak-kanak-meningkat	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	PERMOHONAN MAIPS UNTUK BERI PENDIDIKAN ASAS ISLAM KEPADA TIGA KANAK-KANAK MUALAF DITOLAK	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2233903	BERNAMA.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/permohonan-maips-untuk-beri-pendidikan-asas-islam-kepada-tiga-kanakkanak-mualaf-ditolak-441370	ASTROAWANI.COM
	https://www.malaysiakini.com/news/682373	MALAYSIAKINI.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/10/11/mahkamah-tolak-permohonan-maip-beri-pendidikan-asas-islam-kepada-3-anak-siew-hong/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/10/11/mahkamah-maips-gagal-permohonan-beri-pendidikan-asas-islam-3-anak-mualaf/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/maips-tidak-dibenar-didik-tiga-beradik-mualaf-kerana-tiada-bukti-mahu-kekal-sebagai-islam/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	BAYI DUA BULAN DERITA JANTUNG BERLUBANG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/628590/edisi/selangor-kl/bayi-dua-bulan-derita-jantung-berlubang	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	LELAKI 91 TAHUN HILANG DARI RUMAH DICARI	
	https://malaysiagazette.com/2023/10/11/lelaki-91-tahun-hilang-dari-rumah-dicari/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/628740/berita/semasa/polis-minta-bantuan-kesan-warga-emas-hilang-di-bentong	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

12/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	APM SIBU BANTU HANTAR WARGA EMAS KE HOSPITAL	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/10/11/apm-sibu-bantu-hantar-warga-emas-ke-hospital	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	NELAYAN OKU HILANG BOT KARAM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/628652/berita/semasa/nelayan-oku-hilang-bot-karam	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	PERLIS JADI PILIHAN 'ORANG LUAR' NIKMATI KETENANGAN DI USIA EMAS	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/perlis-jadi-pilihan-orang-luar-nikmati-ketenangan-di-usia-emas/	UTUSAN.COM.MY
	https://harakahdaily.net/index.php/2023/10/11/ketenangan-penjawat-awam-menetap-di-perlis-selepas-pencen/	HARAKAHDAILY.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
24	KERTAS SIASATAN EBIT LEW DISERAH KEPADA JABATAN PEGUAM NEGARA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/10/1163754/kertas-siasatan-ebit-lew-diserah-kepada-jabatan-peguam-negara	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/10/1018835/caprice-mondy-tattoo-dilarang-keluar-kenyataan-berkaitan-ebit-lew	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm


12/10/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	WAWANCARA FADHLINA TEGAS NOKTAHKAN BULI, GANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.malaysiakini.com/news/682283	MALYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
26	GANGGUAN SEKSUAL, SARA DAEWOOD TRAUMA DIRAKAM KETIKA MANDI	
	https://www.utusan.com.my/gaya/hiburan/2023/10/gangguan-seksual-sara-daewood-trauma-dirakam-ketika-mandi/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	HAMPIR DICABUL DALAM KERETA – NELISSA NIZAM	
	https://www.utusan.com.my/hiburan-2/2023/10/hampir-dicabul-dalam-kereta-nelissa-nizam/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	DIAM, PURA-PURA OKAY – JULIA FARHANA MARIN	
	https://www.utusan.com.my/gaya/hiburan/2023/10/diam-pura-pura-okay-julia-farhana-marin/	UTUSAN.COM.MY



TAJUK : BEKAS TENTERA DITUDUH BUNUH ISTERI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 16

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bekas tentera dituduh bunuh isteri

Kangar: Bekas tentera didakwa di Mahkamah Majistret semalam kerana membunuh isterinya yang juga jururawat Hospital Tuanku Fauziah, bulan lalu.

Indera Zailan Mohamad, 38, hanya mengangguk faham selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Siti Nor Haliza Md Ali.

Tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh berikutan kes di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa membunuh Munirah Abu Bakar di sebuah rumah di Batu 3/4 Jalan Padang Nyu, Arau antara jam 10 malam hingga 6.55 pagi, 30 September lalu.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan

yang sabit kesalahan boleh digantung sampai mati atau penjara tidak lebih 40 tahun atau sebatan tidak kurang 12 sebatan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Asyraf Md Kamal dan Mohd Izham Ali, manakala tertuduh diwakili peguam Hari Prassaad Rao.

Mahkamah menetapkan 17 November untuk sebutan semula kes.

Media sebelum ini melaporkan, seorang jururawat ditemui maut dengan kesan tikaman di dada kiri dipercayai ditikam dengan pisau di rumahnya.

Kejadian berlaku bermula dengan pergaduhan antara tertuduh dan mangsa di ruang tamu, ketika mangsa sedang bersiap untuk ke tempat kerja.



Indera Zailan dibawa ke Mahkamah Majistret Kangsar, semalam.
(Foto Aswadi Alias/BH)



TAJUK : CAPRICE, MONDY DIARAH PADAM VIDEO BABIT EBIT LEW

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Caprice, Mondy diarah padam video babit Ebit Lew

Kuala Lumpur: Ebit Irawan Ibrahim Lew atau dikenali Ebit Lew memperoleh perintah injunksi interim bagi menghalang penyanyi rap, Caprice dan pengengaruh media sosial, The Mondy Tattoo daripada mengeluarkan kenyataan mencemarkan reputasi dan berbentuk ugutan terhadap pendakwah terkenal itu.

Perintah itu dikeluarkan Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 5 Oktober lalu, terhadap Caprice atau Ariz Ramli serta pengengaruh media sosial terbabit atau nama sebenarnya, Dita Restu Amanda yang berasal dari Indonesia.

Mahkamah juga mengarahkan kedua-dua individu berkenaannya untuk memadam satu rakaman di laman YouTube [Nustix.com](https://www.youtube.com/channel/UCNustix) The Podcast Show serta lima video di Instagram penyanyi rap itu dalam tempoh 24 jam selepas perintah injunksi sementara dikeluarkan.

Menurut pernyataan tuntutan difailkan sebelum ini, Ebit Lew selaku plaintif memaklumkan mula mengenali Mondy sebagai defendan kedua ketika menjalankan aktiviti kemanusiaan di Jakarta, Indonesia, 7 Jun lalu.



TAJUK : DATUK DIDAKWA TIPU USAHAWAN RM665,000

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Datuk didakwa tipu usahawan RM665,000

Kota Bharu: Seorang pengarah sebuah syarikat swasta bergelar Datuk, didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas empat tuduhan menipu seorang usahawan wanita sehingga menyebabkan mangsa kerugian wang RM665,000 tiga tahun lalu.

Bagaimanapun tertuduh, Muhammad Syafiq Pubalan Abdullah, 38, mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu sejurus dikemukakan di hadapan Hakim, Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menipu Noor Haslina Abdullah, 52, dengan memperdaya menggunakan dokumen palsu syarikat, Top Glove dan Hartalega, untuk membuat tempahan sarung tangan getah yang tidak wujud sehingga mendorong mangsa menyerahkan wang sebanyak RM45,000 ke dalam sebuah akaun bank.

Pertuduhan kedua, lelaki itu didakwa menipu mangsa sama dengan memperdaya wanita itu membuat tempahan dan bayaran sebanyak lima peratus deposit untuk 20,000 kotak sarung tangan jenama Top Glove yang tidak wujud dengan curangnya

mendorong mangsa menyerahkan wang RM31,000.

Dua lagi pertuduhan, lelaki itu didakwa menipu mangsa yang sama dengan memperdaya wanita itu membuat bayaran untuk tempahan sarung tangan masing-masing RM310,000 dan RM279,000.

Keempat-empat perbuatan itu dilakukan di Akademi Memandu KIST, Kandis, dekat Bachok antara 27 Mei 2020 hingga 10 Julai 2020.

Dia didakwa melakukan setiap kesalahan itu mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara minimum satu tahun sehingga 10 tahun dan sebatan serta boleh juga dikenakan denda.

Terdahulu, Abu Aarsalna mencadangkan jumlah jaminan sebanyak RM100,000 dan peguam bela mewakili tertuduh memohon mahkamah mengurangkan jaminan kepada anak guamnya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 9 November depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



Muhammad Syafiq dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



TAJUK : **DUNIA FESYEN BUKAN SEKADAR REKA PAKAIAN**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **BERITA HARIAN**

TARIKH : **12 OKT 2023**

M/SURAT : **22**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Dunia fesyen bukan sekadar reka pakaian

Graduan Senireka Fesyen UiTM digalak teroka potensi pelbagai bidang terjemah ilmu dipelajari

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Graduan lepasan seni reka fesyen perlu melihat dunia fesyen sebagai bidang luas dan bukan berada dalam ruang lingkup menghasilkan pakaian semata-mata.

Sebaliknya, bidang fesyen boleh dikembangkan dan digabungkan dengan sains, perniagaan, hiasan dalaman, pendidikan, tekstil dan sebagainya.

Ketua Bidang Jabatan Senireka Fesyen, Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Shah Alam, Dr Shaliza Mohd Shariff, berkata beliau sentiasa menggalakkan pelajar yang tamat pengajian untuk menerokai dunia fesyen secara meluas dan tidak terkongkong dalam dunia fesyen pakaian semata-mata.

"Cabang fesyen sangat luas, fesyen bukan baju sahaja, ia sangat terbuka kepada rekaan hiasan dalam kediaman, aksesori

dan banyak lagi.

"Sebab itu, saya galakkan mereka jangan ceburi satu bidang, sebaliknya cari bidang lain yang mempunyai hubung kait dengan fesyen. Begitu juga kalau mereka hendak sambung belajar, jangan dalam fesyen sahaja.

"Mungkin fesyen boleh gabung fesyen dan perniagaan, fesyen dan sains. Memang kita galakkan ceburi bidang lain, tetapi masih ada hubung kait dengan dunia fesyen.

"Apabila keluar nanti, saya juga nasihatkan mereka jangan sekat diri sebagai pereka fesyen semata-mata sebab banyak peluang lagi (di dunia industri sebenarnya)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas peragaan fesyen, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Degree Fashion Show, di Kompleks Itham KPSK UiTM Shah Alam, baru-baru ini.

Beliau berkata, apabila berada di dunia sebenar industri, graduan perlu berdikari dan berani berdepan cabaran baharu hari ini meskipun kena bersaing dengan ramai pereka fesyen yang sudah bertapak kukuh.

"Banyak juga syarikat mengambil pelajar untuk bekerja dengan sebab itu kami sentiasa menjemput syarikat datang pada acara begini.

"Ada yang ambil pelajar kita bekerja dengan syarikat mereka, malah ada yang bekerja dengan pengeluar pakaian sukan terna-



Nur Afiah Balqis bersama rekaan memenangi Anugerah Emas pertandingan UiTM Degree Fashion Show. (Foto ihsan UiTM)

ma dunia.

"Ada juga syarikat akan hubungi kami jika mereka perlu pekerja, ini antara cara kita membantu graduan," katanya.

Mengulas hasil rekaan pelajar semester akhir yang menyertai pertandingan itu katanya, semua pelajar menunjukkan inisiatif serta kreativiti tersendiri bagi menghasilkan rekaan hebat.

"Saya puji mereka memang sangat kreatif daripada material kosong, mereka boleh olah sehingga menjadi rekaan sangat menarik ada *paint*, ada *tie and die concept*, *patch*.

"Ada yang sangat teliti, terperinci dan menjiwai rekaan yang mereka hasilkan dengan tunjuk ajar pensyarah," katanya.

Hasil rekaan fesyen MRI

Sementara itu, imbasan pengimejan resonans magnetik

(MRI) ke atas organ otak membawa tuah kepada Nur Afiah Balqis Muhammad Zaide apabila dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Emas bagi pertandingan peragaan fesyen, UiTM Degree Fashion Show itu.

Nur Afiah Balqis berkata, idea itu dikaitkan ketika seseorang sedang bermimpi menjadi inspirasi kepadanya untuk menghasilkan tiga rekaan dipergakan tiga model semalam.

"Kami diberi tajuk *The Imagination Nation* pada awal semester lima, jadi dalam tempoh itu dapat inspirasi dan saya pilih organ otak.

"Ada yang bertanya kenapa hitam, merah, oren, kuning, saya terangkan warna ini sebab kita ambil gambaran otak itu daripada *MRI scan of the brain* berbanding warna sebenar otak.

"Saya dapat inspirasi ini juga

daripada salah satu pengalaman saya bermimpi. Mimpi itu berkait rapat dengan aktiviti dalam otak. Jadi bahagian berwarna itu semua berkaitan dengan imbasan MRI otak kita semasa bermimpi," katanya mengambil masa 14 minggu menyiapkan tiga rekaan itu.



Shaliza Mohd Shariff



TAJUK : KERTAS SIASATAN KES EBIT LEW KE JABATAN PEGUAM NEGARA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kertas siasatan kes Ebit Lew ke Jabatan Peguam Negara

Dua laporan berkaitan kes rogol, gangguan seksual

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua kertas siasatan berhubung dakwaan kes rogol dan gangguan seksual membabitkan pendakwah terkenal, Ebit Irawan Ibrahim Lew atau Ebit Lew sudah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara, minggu lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain mengesahkan perkembangan itu pada sidang media di Bukit Aman, di sini, semalam.

“Saya tidak boleh mengulas lanjut kerana Ebit Lew sedang menghadapi kes mahkamah di Sabah,” katanya ketika diminta mengulas

perkembangan siasatan kes itu.

Sebelum ini, media melaporkan seorang wanita warga Indonesia, Mondy Tattoo membuat laporan polis berhubung gangguan seksual ke atas dirinya oleh pendakwah terbabit.

Mohd Shuhaily dilaporkan berkata, Ebit Lew juga membuat laporan polis berkaitan dakwaan fitnah terhadapnya serta satu lagi laporan penafian kes gangguan seksual.

Susulan itu, polis merakam percakapan penyanyi rap, Caprice dan Mondy berhubung laporan yang dibuat Ebit Lew.

Rakaman percakapan itu direkodkan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor bagi siasatan lanjut.

Ucapan tular di media sosial

Mengulas mengenai video ucapannya yang tular di media sosial, Mohd Shuhaily berkata, beliau hanya menyambung saranan yang dikemukakan Timbalan Ketua Polis Negara dan Ketua Polis Negara sebelum ini.

“Niat saya memuat naik di

TikTok jabatan kerana saya hanya dapat berjumpa dengan 130 pegawai sedangkan saya ada 10,000 anggota dan pegawai dalam jabatan ini.

“Apabila di muat naik, masyarakat memberikan respon. Ini menunjukkan berapa ramai yang tahu (perkara ini) cuma orang tidak bercakap perkara itu.

“Sekiranya mereka mampu maka berikan sebab ia mampu, saya tidak melarang kalau beli kereta dengan sumber kewangan yang sah. Siapa saya untuk melarang menggubakan kereta berkenaan,” katanya.

Sabtu lalu, satu klip video Majlis Amanat Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, tular di media sosial selepas dimuat naik jabatan itu.

Dalam pada itu, Mohd Shuhaily berkata jawatan-jawatan sensitif di JSJ dibuka kepada mana-mana pegawai yang berminat dan perlu melalui tapisan termasuk melakukan pengisytiharan harta.



TAJUK : MAIPS GAGAL PERMOHONAN DIDIK TIGA BUDAK MUALAF

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

MAIPs gagal permohonan didik tiga budak mualaf

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam menolak permohonan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi menjalankan bertanggungjawab membimbing serta mendidik tiga kanak-kanak mualaf yang berada di bawah jagaan ibu mereka, Loh Siew Hong, untuk mempelajari agama Islam.

Hakim Hayatul Akmal Abdul Aziz, membuat keputusan itu selepas mendapati permohonan berkenaan tiada merit dan tidak dibuat atas kepentingan kanak-kanak terbabit.

“MAIPs gagal dalam permohonannya, tiada justifikasi wajar dan mengikut undang-undang. Berdasarkan pengalaman traumatik kanak-kanak itu, isu mengenai akses (MAIPs) tidak mengutamakan kepentingan kanak-kanak terbabit.

“Semua pihak perlu terima situasi ini, henti nafikan dan campur tangan terhadap kehidupan kanak-kanak berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Siew Hong ketika ditemui berkata, tidak mahu ingat kes mahkamah dihadapinya, sebaliknya berhasrat memfokuskan pendidikan anak.

“Anak dengan saya dan kami nak hidup tenang. Itu yang saya minta,” katanya.



TAJUK : PASANGAN KEMBAR MAUT NAHAS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Nur Shahidah (kiri) dan Nur Zuhaida maut dalam nahas di Kampung Changkat Rambai, Kampung Gajah, Pasir Salak, semalam. (Foto ihsan bomba)

Pasangan kembar maut nahas

Pasir Salak: Dua beradik kembar maut selepas kereta yang dinaiki mereka bertembung dengan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) di Kampung Changkat Rambai, Kampung Gajah, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 11 pagi itu, mangsa dikenali sebagai Nur Shahidah dan Nur Zuhaida Abdull Karim, masing-masing berusia 33 tahun, maut akibat parah.


Komander Operasi merangkap Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kampung Gajah, Abd Hadi Abdullah, berkata pihaknya bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan jam 11.17 pagi.

Katanya, kemalangan itu mem-babitkan kereta jenis Perodua Kancil yang dinaiki dua wanita itu dan sebuah SUV jenis Nissan X-Trail yang dinaiki seorang lelaki dan seorang wanita berusia awal 40-an.

“Bomba mengeluarkan dua wanita yang tersepit di dalam Perodua Kancil dengan menggunakan peralatan khas.

“Kedua-dua wanita berkenaan disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pegawai Kementerian Kesihatan (KKM) dan mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

“Dua lagi mangsa yang menaiki Nissan X-Trail cedera ringan,” katanya ketika dihubungi, semalam.



TAJUK : TUAI HASIL PROJEK TANAM TIMUN TABIKA KEMAS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tuai hasil projek tanam timun Tabika KEMAS



Naim dan Noor Asiah mengutip timun di belakang Tabika KEMAS Sri Seroja, Kampung Bertam Baru. (Foto Paya LindaYahya/BH)

Gua Musang: Sekumpulan ibu bapa memanfaatkan tanah lapang berkeluasan 0.1 hektar di belakang sebuah sekolah taman bimbingan kanak-kanak (tabika), dekat sini, mampu menghasilkan lebih 80 kilogram (kg) timun batang, sekali gus mengurangkan perbelanjaan seharian mereka.

Projek dilakukan ahli jawatankuasa (AJK) Program Rakan Kebun yang membabitkan 20 ibu bapa kanak-kanak Tabika KEMAS di Sri Seroja, Kampung Bertam Baru, di sini.

Pengerusi Tabika, Naim Sulaiman, 61, berkata mereka menjalankan projek fertigasi tanaman timun batang sejak pertengahan Ogos lalu.

“Usaha ini dapat mengeratkan silaturahim antara ibu bapa di Tabika ini, selain mampu meringankan beban peserta program yang menerima peruntukan daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

“Kami bergotong-royong menanam dan menjaga tanaman ini dan menuai hasilnya.

“Setakat ini, kami menanam timun batang lebih 200 polibeg bermula 25 Ogos lalu. Sehingga hari ini hasil yang dituai mencecah kira-kira 50kg,” katanya ditemui, di sini.

Hasil tanaman timun batang dijual kepada penduduk kampung, selain kepada beberapa pemborong termasuk di bandar Gua Musang, Kampung Stong

dan Jelawang di daerah Dabong, Kuala Krai.

“Alhamdulillah, hasil tanaman sedikit sebanyak dapat dinikmati untuk keperluan dapur dan menjana pendapatan sampingan,” katanya.

Suri rumah, Noor Asiah Ab Kadir, 60, berkata pelaksanaan program itu secara tidak langsung dapat bekerjasama menyumbang masa berkualiti dan tenaga menanam dan menjaga tanaman itu.

“Sambil bercucuk tanam, kami dapat saling bertemu mengadakan aktiviti gaya hidup sihat, mengeratkan hubungan dan mengetahui perkembangan pelajaran anak masing-masing di kelas Tabika,” katanya.



TAJUK : BIMBANG PENGGUNAAN NIKOTIN KALANGAN REMAJA, KANAK-KANAK

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 19

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

GESA KERAJAAN LULUS SEGERA RUU KAWALAN PRODUK MEROKOK 2023

Bimbang penggunaan nikotin kalangan remaja, kanak-kanak

Kuala Lumpur: Kumpulan Penyelidik Ketagihan Nikotin (NARCC) Universiti Malaya (UM) menggesa kerajaan segera meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok 2023 kerana bimbang peningkatan penggunaan bahan itu di kalangan remaja dan kanak-kanak.

Kumpulan itu berkata mereka tidak boleh lagi berdiam diri melihat peningkatan drastik dalam penggunaan vape oleh generasi muda yang digembar-gemburkan sebagai sumber pendapatan baru dan cara berhenti merokok.

Ketua koordinator NARCC dan pakar perunding kanak-kanak psikiatri UM, Profesor Madya Dr Amer Siddiq Amer Nordin, menegaskan tidak ada bukti kukuh menyokong vape sebagai terapi berhenti merokok sementara banyak lagi cara berhenti merokok yang bertauliah masih belum dimaksimakan.

Malah, hasil daripada kajian kohort di Pusat Perubatan Universiti Malaya mengenai *Incidence of*

E-Cigarette or Vaping Product Use Associated Lung Injury (EVALI) among the Severe Acute Respiratory Infections (SARI) Patients pada tahun 2021, yang diketuai oleh Profesor Madya Dr Wong Chee Kuan, Dr Farizah Mohd Hairi, Dr Noraryana Hassan, Dr Mohd Afiq Mohd Nor dan lain-lain, menunjukkan insiden EVALI sebanyak 840 per 100,000 kes SARI.

"Inilah alasan kenapa kami mendesak agar pesakit SARI semuanya disaring untuk penggunaan e-rokok atau vape.

"Penemuan ini adalah panduan penting bagi pembuat dasar dan pengurusan klinikal EVALI. Manfaat ekonomi yang dijanjikan oleh industri vape jauh lebih kecil daripada kos yang timbul akibat penyakit serius seperti EVALI," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Tambah beliau, keadaan ini adalah ancaman terhadap Malaysia kerana vape atau rokok elektronik juga berpotensi merosakkan sistem pernafasan, terutamanya pada golongan remaja dan kanak-kanak

yang tidak mampu mengawalinya.

"Negara-negara seperti England, Australia dan New Zealand, yang melonggarkan peraturan vape, mengalami peningkatan penggunaan oleh remaja dan kanak-kanak.

"Pakar kesihatan semakin bimbang dengan fenomena ini, terutamanya pakar pediatrik, pakar perubatan keluarga, pakar kesihatan awam, dan pakar perubatan psikiatri," katanya.

Dr Amer Siddiq menjelaskan terdapat banyak kajian yang menunjukkan bahawa remaja yang terlibat dengan vape mudah terjebak dengan rokok konvensional dan penyalahgunaan dadah. Mereka juga mengalami masalah kesihatan mental serius seperti kemurungan.

Sementara itu, Timbalan koordinator NARCC dan pakar perunding perubatan keluarga di UM, Profesor Madya Dr Nur Amani Ahmad Tajuddin, kajian kesihatan remaja pada ta-

hun 2022 menunjukkan perubahan yang menggerakkan dalam pola penggunaan rokok.

"Penggunaan vape meningkat sementara penggunaan rokok konvensional menurun. Lebih membinggalkan, remaja perempuan cenderung kepada penggunaan vape, menunjukkan penerimaan yang tinggi disebabkan oleh sifat ingin tahu, gaya hidup dan daya

tarikan perasa," katanya.

Menurut beliau, data daripada National Health Morbidity Survey (NHMS) 2022 menunjukkan prevalens penggunaan vape adalah 14.9 peratus di kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun.

"Dan penemuan kami di UM menunjukkan bahawa

prevalens ini telah meningkat kepada 15.1 peratus sejak program Generational Endgame dimulakan pada tahun 2022 hingga 2023 di beberapa buah sekolah," katanya.

Dr Nur Amani menambah, keputusan untuk mengeluarkan cecair nikotin dari Akta Racun pada 1 April 2023 adalah satu tindakan yang berbahaya.

"Ia membuka pintu seluas-luasnya untuk penjualan vape kepada remaja dan kanak-kanak. Akibatnya penjualan nikotin tidak terkawal di Malaysia.

"Hasil tinjauan Pusat Racun Negara menunjukkan produk vape dijual bersama-sama dengan gula-gula dan alat tulis di kedai-kedai runcit," katanya.



ROKOK elektronik juga berpotensi merosakkan sistem pernafasan.



TAJUK : DATUK TIPU TEMPAHAN SARUNG TANGAN RM665,000 KENA DAKWA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kota Bharu: Seorang pengarah sebuah syarikat swasta yang bergelar Datuk didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menipu seorang wanita sehingga mangsa menyerahkan wang RM665,000, tiga tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Muhammad Syafiq Pubalan Abdullah, 38, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menipu Noor Haslina Abdullah, 52, dengan memperdaya menggunakan dokumen palsu syarikat 'Top Glove' dan 'Hartalega' untuk membuat tempahan sarung tangan getah yang tidak wujud sehingga mendorong wanita itu menyerahkan RM45,000 ke dalam sebuah akaun bank.

Bagi pertuduhan kedua, lelaki itu didakwa menipu mangsa yang sama dengan memperdaya wanita itu membuat tempahan dan bayaran lima peratus deposit untuk 20,000 kotak sarung tangan jenama Top Glove yang tidak wujud sehingga mendorong mangsa menyerahkan wang RM31,000.

Datuk tipu tempahan sarung tangan RM665,000 kena dakwa



MUHAMMAD Syafiq didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.

Bagi dua lagi pertuduhan, lelaki itu didakwa menipu mangsa yang sama dengan memperdaya wanita itu membuat bayaran untuk tempahan sarung tangan masing-masing berjumlah RM310,000 dan RM279,000.

Keempat-empat perbuatan itu dilakukan di Akademi Memandu KIST, Kan-

dis, dekat Bachok antara 27 Mei 2020 hingga 10 Julai 2020.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Abu Aarsalna Zainal Abidin, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Taufikrullah Rusli dan Muhammad Zulfaqar Al-Bassysyar Saharrudin.

Terdahulu, Abu Aarsalna

mencadangkan jumlah jaminan RM100,000 dan peguam bela tertuduh memohon mahkamah mengurangkan jaminan kepada anak guamnya.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 9 November ini sebagai tarikh sebutan semula kes.



TAJUK : DUA BERADIK KEMBAR MAUT KERETA DINAIKI TEMBUNG SUV

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



KEADAAN kereta dinaiki dua beradik kembar yang maut selepas bertembung dengan sebuah SUV.

Pasir Salak: Dua beradik kembar maut selepas kereta dinaiki bertembung dengan sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) di Kampung Changkat Rambai, Kampung Gajah, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 11 pagi itu, mangsa, Nur Shahidah Abdull Karim dan Nur Zuhaida Abdull Karim, masing-masing berusia 33 tahun.

Komander Operasi merangkap Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kampung Gajah Abd Hadi Abdullah, berkata pihaknya

Dua beradik kembar maut kereta dinaiki tembung SUV

bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan jam 11.17 pagi.

Menurutnya, kemalangan itu memabitkan kereta jenis Perodua Kancil dinaiki dua wanita berusia 33 tahun dan sebuah SUV Nissan X-Trail dinaiki se-

rang lelaki dan seorang wanita berusia awal 40-an.

"Anggota bomba diarahkan mengeluarkan dua wanita yang tersepit di dalam

Perodua Kancil dengan menggunakan peralatan khas.


"Kedua-dua wanita berkenaan

disahkan meninggal dunia di tempat kejadian oleh pegawai Kementerian Kesihatan (KKM) dan mayat mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

"Dua lagi mangsa yang menaiki Nissan X-Trail cedera ringan," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, operasi berkenaan ditamatkan jam 1.10 tengah hari.

Kedua-dua mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian



TAJUK : **EBIT DAPAT INJUNKSI**

HARI : **KHAMIS**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **12 OKT 2023**

M/SURAT : **12**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur

Ebit Irawan Ibrahim Lew atau dikenali Ebit Lew memperolehi perintah injunksi interim bagi menghalang penyanyi rap, Caprice dan pengengaruh media sosial, The Mondy Tattoo daripada mengeluarkan kenyataan mencemarkan reputasi dan berbentuk ugutan terhadap pendakwah itu.

Perintah itu dikeluarkan Mahkamah Sesyen Shah Alam pada 5 Oktober lalu, terhadap Caprice atau Ariz Ramli serta pengengaruh media sosial terbabit atau nama sebenarnya, Dita Restu Amanda yang berasal dari

Ebit dapat injunksi

Caprice, Mondy perlu padam rakaman di YouTube, IG dalam 24 jam



MONDY dan Caprice (kanan).

Indonesia.

Mahkamah juga mengarahkan kedua-dua individu berkenaan untuk memadam satu rakaman di laman YouTube Nustix.com The Podcast Show serta lima video di Instagram penyanyi rap itu dalam tempoh 24 jam selepas perintah injunksi sementara

ra dikeluarkan.

Menurut pernyataan tuntutan difailkan sebelum ini, Ebit Lew selaku plaintif memaklumkan mula mengenali Mondy ketika menjalankan aktiviti kemanusiaan di Jakarta, Indonesia, 7 Jun lalu.

Ketika itu, wanita berkenaan sebagai defendan kedua memperkenalkan di-

ri sebagai ibu tunggal dan gelandangan kepada Ebit Lew.

Pada 12 Jun lalu, Mondy berkunjung ke Malaysia bagi mempelajari dan mendalami agama Islam di Ma'ahad Ad-Dirasaatil Islamiyyah, Sri Petaling, Shah Alam.

Bagaimanapun, pendakwah terkenal berkenaan difahamkan bahawa Mondy mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pembelajarannya dan pulang ke Indonesia pada Julai lalu.

Pada 15 September lalu, Caprice memuat naik rakaman video yang mana pengengaruh media sosial berkenaan dijadikan sebagai tetamu jemputan.

Rakaman itu antara lain membawa maksud bahawa plaintif melakukan gangguan seksual dan mengambil kesempatan terhadap Mondy, selain seorang yang tidak bertanggungjawab serta penunggang agama.

Plaintif mendakwa Caprice selaku defendan pertama secara jahat mener-

bitkan video berkenaan tanpa membuat sebarang pengesahan fakta daripadanya atau peguam.

Banyak komen negatif, cacian dan makian didakwa dikeluarkan oleh pengikut akaun YouTube Caprice akibat penerbitan video itu.

Plaintif turut mendakwa kenyataan berbaur fitnah dikeluarkan Caprice dan Mondy yang menyebabkan dirinya dikecam, diejek dan diaibkan.


Pada 29 September lalu, polis dilaporkan akan memanggil beberapa lagi individu bagi membantu siasatan dakwaan kes gangguan seksual dan fitnah membabitkan Ebit Lew, The Mondy Tattoo serta Caprice.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, dipetik berkata pihaknya sudah mengambil 10 keterangan termasuk daripada tiga individu berkenaan.

Sebelum ini, Mondy dan Caprice membuat laporan polis berhubung gangguan seksual yang didakwa dilakukan seorang pendakwah bebas terhadap wanita itu.

Ebit Lew kemudian membuat laporan penafian berserta laporan fitnah di Balai Polis USJ 8, Subang Jaya.

EBIT Lew



TAJUK : MAHKAMAH TOLAK PERMOHONAN MAIPS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

BIMBING TIGA BUDAK MUALAF

Mahkamah tolak permohonan MAIPs

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, menolak permohonan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi menjalankan tanggungjawab membimbing serta mendidik tiga kanak-kanak mualaf yang berada di bawah jagaan ibu mereka, Loh Siew Hong untuk mempelajari Islam.

Hakim Hayatul Akmal Abdul Aziz membuat keputusan berkenaan selepas mendapati permohonan itu tiada merit dan tidak dibuat atas kepentingan kanak-kanak berkenaan.

"MAIPs gagal dalam permohonannya, tiada justifikasi wajar dan mengikut undang-undang.

"Berdasarkan pengalaman traumatik kanak-kanak itu, isu mengenai akses (MAIPs) tidak mengutamakan kepentingan kanak-kanak terbabit.

"Semua pihak perlu terima situasi ini, henti nafikan dan campur tangan terhadap kehidupan kanak-kanak berkenaan," katanya.

Sementara itu, Siew Hong ketika ditemui pemberita berkata, dia tidak mahu ingat kes mahkamah dihadapinya, sebaliknya berhasrat memfokuskan pendidikan anak.

"Anak dengan saya dan kami nak hidup tenang. Itu yang saya minta," katanya.

MAIPs memohon perintah variasi bagi menjalankan tanggungjawab terhadap kanak-kanak terbabit antaranya membawa mereka menunaikan solat Jumaat dan meraikan hari kebesaran Islam di masjid

berhampiran rumah, memberi bantuan zakat serta membantu menampung kos sara hidup ketiga-tiganya daripada aspek pendidikan, keperluan dan kebajikan.

Pada 27 September lalu, peguam bela MAIPs, Mohamed Haniff Khatri Abdulla berkata, anak guam mempunyai tanggungjawab statutori di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perlis) 2006 untuk memastikan kebajikan kanak-kanak terbabit dipelihara termasuk bantuan dibenarkan syarak yang boleh disalurkan melalui mana-mana penjaga sah mereka.

Beliau dilaporkan berkata, Loh dan bekas suaminya, Muhammad Nagahswaran Muniandy juga tidak mampu memberikan anak mereka asas pendidikan agama Islam dengan baik.


Peguam bela Siew Hong, J Gunamalar pula dilaporkan berhujah permohonan MAIPs adalah penyalahgunaan proses mahkamah susulan tidak memohon untuk mengubah perintah hak penjagaan kanak-kanak terbabit.

Pada 7 Februari lalu, Mahkamah Rayuan membenarkan MAIPs menjadi responden kedua dalam petisyen perceraian Siew Hong dan Muhammad Nagahswaran membatalkan hak penjagaan tiga anak mereka yang diperolehi wanita itu.

Siew Hong diberikan hak penjagaan dan kawalan tunggal ke atas sepasang kembar perempuan berusia 15 tahun dan seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun.



SIEW Hong (kiri) bersama Gunamalar.



TAJUK : PLATFORM HAK TEBUS KERUGIAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

DEWAN RAKYAT

Platform hak tebus kerugian

Tribunal Antigangguan Seksual bantu mangsa kendali aduan lebih cepat, mudah dan kos minimum

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meluluskan perjawatan bagi penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual kelmari.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri berkata, penubuhan tribunal bertujuan menyediakan platform alternatif bagi menambah baik sistem perundangan dan pengendalian aduan gangguan seksual dengan cepat, mudah dan kos minimum.

"Tribunal ini menyediakan platform bagi suatu hak tebus rugi kepada mangsa diganggu secara seksual," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas pertanyaan Wong Shu Qi (PH-Kluang) mengenai status terkini penubuhan tribunal berkaitan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840).

Nancy berkata, Akta Antigangguan Seksual



NANCY

2022 ini dikuatkuasakan secara berperingkat mulai 28 Mac lalu.

Katanya, fasa pertama penguatkuasaan akta membabitkan advokasi gangguan seksual kepada orang awam manakala penubuhan Tribunal Antigangguan Seksual pula pada fasa kedua.


"Bagi melaksanakan keperluan fasa pertama, KPWKM memberi fokus meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat umum mengenai Akta 840 serta mengetahui betapa seriusnya isu membabitkan gangguan seksual.

"Perkara ini diterjemahkan menerusi Program Jerayawara Kasih KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual yang dirangka untuk diadakan di setiap negeri.

"Sejak pelancaran Program Jerayawara Advokasi AGS di Putrajaya pada 29 Mei 2023 lalu, KPWKM bersama agensi di bawah seliannya, khusus Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), menjelajah dan menganjurkan 11 siri jerayawara di seluruh negara," katanya.



WONG



TAJUK : TERTUDUH HANYA ANGGUK FAHAM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



INDERA Zailan (berpeltip muka) dibawa ke Kompleks Mahkamah Kangar dengan diiringi polis.

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Kangar

Seorang bekas tentera berdepan hukuman gantung sampai mati selepas dihadapkan ke Mahkamah Majistret, di sini semalam atas pertuduhan membunuh isterinya yang juga seorang jururawat Hospital Tuanku Fauziah, Kangar di sebuah rumah di Jalan Padang Nyu, Arau pada 30 September lalu.

Tertuduh, Indera Zailan Mohamad Sani, 38 dari Gerik, Perak hanya mengangguk faham selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Siti Nor Haliza Md Ali.

Bagaimanapun, tiada pengakuan direkodkan daripada tertuduh berikutan kes membabitkan Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Indera Zailan didapati membunuh Munirah Abu Bakar di sebuah rumah di Batu 3/4 Jalan Padang Nyu, Arau.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu pada 29 September sekitar jam 10 malam hingga jam 6.55 pagi pada 30 September lalu.

Oleh hal demikian, ter-

BEKAS TENTERA DITUDUH BUNUH ISTERI

Tertuduh hanya angguk faham

tuduh didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.

Jika sabit kesalahan boleh digantung sampai mati atau penjara tidak lebih 40 tahun dan sebatan tidak kurang daripada 12 sebatan.

Pendakwaan dilaksanakan Timbalan Pendakwa Raya negeri, Muhamad Asyraf Md Kamal dan Mohd Izham Ali manakala tertuduh diwakili peguam, Hari Prasaad Rao.

Mahkamah kemudian menetapkan 17 November hadapan bagi sebutan semula kes di mahkamah yang sama sebelum dipindahkan ke Mahkamah Tinggi selain menunggu laporan kimia dan laporan bedah siasat kes berkenaan.

Terdahulu, tertuduh tiba di pekarangan Kompleks Mahkamah

Kangar sekitar jam 8.35 pagi dikawal ketat oleh pegawai penyiasat dan anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah Arau.

Dalam kejadian pada 30 September lalu, Indera Zailan membunuh Munirah dengan menikam mangsa di bahagian kiri dada dengan sebilah pisau di kediaman pasangan itu di Jalan Padang Nyu, Arau.

Kejadian jam 6 pagi itu dipercayai bermula dengan pergaduhan antara suspek dengan mangsa di ruang tamu rumah ketika mangsa sedang bersiap untuk keluar bertugas.

Indera Zailan yang bearing selepas itu secara tiba-tiba mengambil pisau dan menikam dada mangsa.

Selepas membunuh mangsa, suspek dikatakan membawa wanita berkenaan ke dalam bi-

lik utama dan menutup mayat mangsa dengan selimut tebal.


Suspek kemudian bertindak memandu kereta dan menghantar dua anak mereka berusia lapan dan 10 tahun ke rumah pengasuh di Kampung Kubang Gajah, Arau yang terletak sekitar tiga kilometer dari tempat kejadian.

Selepas itu, suspek menyerahkan diri dengan memaklumkan kejadian berkenaan di pondok pengawal Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perlis sekitar jam 10 pagi sebelum polis ke tempat kejadian.

Semakan ujian air kencing terhadap suspek didapati positif dadah jenis methamphetamine.

Hasil bedah siasat mangsa di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar mendapati Allahyarham Munirah maut akibat luka tikaman hingga ke hati serta bahagian pembuluh darah.

Mahkamah menetapkan 17 November hadapan bagi sebutan semula kes



TAJUK : WANITA DIDENDA RM62K

HARI : KHAMIS

TARIKH : 12 OKT 2023

TONE : NEGATIF

AKHBAR : HARIAN METRO

M/SURAT : 10

SEKTOR : KPWKM



NUR Aqila dijatuhi hukuman denda RM62,000 selepas didapati bersalah menjalankan kegiatan klinik pergigian tidak berdaftar.

Wanita didenda RM62K

Mengaku bersalah buka klinik pergigian tanpa daftar MPM

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Bangi

Seorang wanita dijatuhi hukuman denda RM62,000 atau penjara setahun selepas mengaku bersalah atas dua pertuduhan mengamal dan menjalankan kegiatan klinik pergigian secara haram.

Tertuduh, Nur Aqila Ahmad Sabri, 29, dijatuhi hukuman itu oleh hakim, Effandi Nazila Abdullah di Mahkamah Sesyen Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Dia dituduh mengikut Seksyen 4(1) kerana menyediakan klinik pergigian tanpa berdaftar di bawah Seksyen 27, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1988.

Wanita terbabit turut dituduh mengikut Seksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 kerana menjalankan amalan pergigian tanpa didaftarkan.

Pendakwaan dilakukan pegawai pendakwa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dr Izwan Abd Hamid.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan anggota Unit Penguatkuasa Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melakukan pemeriksaan mengejut terhadap premis di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi di sini, pada 26 Julai tahun lalu.

Siasatan dilakukan selepas premis itu disyaki menyediakan rawatan klinik pergigian swasta tanpa didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain dikendalikan individu tidak berkecualan.


Ketika pemeriksaan, tertuduh didapati menjalankan rawatan veneer terhadap seorang pelanggan di sebuah bilik.

Tertuduh gagal menunjukkan dokumen sah bagi mengesahkan premis itu adalah klinik pergigian swasta (KPS) berdaftar dengan kementerian.

Wanita itu gagal mengemukakan bukti perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan semasa sebagai pengamal pergigian berdaftar.

Hasil serbuan itu menemui bukti peralatan pergigian, bahan pergigian dan ubat digunakan suspek. Semakan dengan Majlis Pergigian Malaysia (MPM) mendapati suspek bukan pengamal pergigian berdaftar dengan MPM.

Berdasarkan fakta kes, sepasukan anggota Unit Penguatkuasa Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melakukan pemeriksaan mengejut terhadap premis di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi pada 26 Julai tahun lalu.



TAJUK : CURIOSITY, PEER PRESSURE CAUSE BROTHERS TO FALL INTO VAPE TRAP

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 12 OKT 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK M

Curiosity, peer pressure cause brothers to fall into vape trap

PUTRAJAYA: Curiosity and peer pressure have led two school-aged siblings to smoke electronic cigarettes or vaping.

A 14-year-old secondary school student who wished to be known as Angah said he started vaping when he was in Year Six.

"At first I felt a little lightheaded, but eventually, it calmed me down and I got addicted, so I had to hide this habit from my parents."

Angah's addiction to smoking e-cigarettes had continued into

his secondary school years, to the point that he would spend RM3 out of his RMS daily allowance to buy liquid nicotine, which he shared with his peers.

"Sometimes three people would share a vape. I am willing to go hungry because I wanted to save my school allowance to buy the vape device and liquid.

"My original purpose was to relieve stress and the cost of buying a device would be shared equally among friends," Angah said.

Angah's mother said she discovered her son's vaping habit earlier this year.

At first, he claimed that the vape device belonged to one of his cousins or uncles.

"Since then, I had advised him repeatedly, but Angah has ignored me and continued vaping.

"He has already been caught by his teacher twice.

"His actions have caused me and my husband to be called to school, and most recently, the

school wants to suspend him.


"Now, even Angah's younger brother, 11-year old Adik, has also started vaping, asking his brother to provide him with the device and liquids."

However, Adik's parents have had more success in nipping the problem in the bud.

"I was influenced by some friends at school to start vaping," Adik said. "But, I am now afraid to do it again after my father caught me vaping."

